

## **HUBUNGAN GAYA PENGAJARAN GURU DENGAN SIKAP TERHADAP MATA PELAJARAN PERNIAGAAN**

### ***THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' TEACHING STYLE AND STUDENTS ATTITUDE TOWARDS BUSINESS SUBJECT***

**Nora'ini Abdul Rahman<sup>1</sup>**

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Email: abdulrahman\_noraini@yahoo.com)

**Nor Aishah Buang<sup>2</sup>**

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Email: norais@ukm.edu.my)

*Accepted date: 21-10-2018*

*Published date: 08-07-2019*

*To cite this document:* Rahman, N. A., & Buang, N. A. (2019). Hubungan Gaya Pengajaran Guru Dengan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan, *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(31), 248-259.

**DOI:** 10.35631/IJEP.4310021

---

**Abstrak:** Gaya pengajaran guru yang dibincangkan dalam kajian ini adalah Gaya Pengajaran Grasha. Sampel kajian terdiri daripada 136 orang pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah menengah di Daerah Bagan Datuk, Perak. Segala data atau butiran dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan kaedah Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 22.0. Kajian ini menggunakan statistik deskriptif untuk mengkaji gaya pengajaran yang kebanyakannya diamalkan oleh guru, jenis gaya pengajaran yang paling diminati di kalangan pelajar dan juga sikap mereka terhadap mata pelajaran Perniagaan. Sementara itu, data yang dikumpul juga akan dianalisis dengan menggunakan statistik inferensi iaitu korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pengajaran guru Perniagaan yang paling diminati oleh pelajar adalah gaya pengajaran fasilitator diikuti dengan gaya model personal dan gaya delegator. Manakala gaya pengajaran yang menjadi pilihan guru-guru adalah gaya delegator, diikuti dengan gaya fasilitator dan gaya model personal. Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan berada pada tahap sederhana positif. Hasil analisis ujian korelasi Pearson mendapati nilai  $r = 0.669$ ,  $p=0.000$  iaitu korelasi yang kuat antara gaya pengajaran guru yang diminati dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan. Kombinasi gaya fasilitator dan gaya model personal dilihat sebagai gaya pengajaran yang sesuai bagi merealisasikan pembelajaran berpusatkan murid dan berasaskan projek. Implikasi daripada dapatan kajian tersebut dapat digunakan untuk menyediakan garis panduan kepada guru di sekolah untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih efektif. Berdasarkan kepada kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran para guru dan juga pencapaian pelajar dalam subjek ini.

**Kata Kunci:** Gaya Pengajaran Guru, Gaya Pengajaran Grasha, sikap pelajar, Mata Pelajaran Perniagaan

**Abstract:** *The teaching style of the teacher discussed in this study is the Grasha Teaching Style. The sample consists of 136 form four students in five secondary schools in Bagan Datuk, Perak. All data or details are collected and analysed using the Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 22.0. The study is exercising a descriptive statistic in order to examine teaching styles which is mostly practised by teachers, the type of teaching style most desirable among the students and also their attitude towards Business subject. Meanwhile by using an inference statistic, the collected data will also be analysed by using Pearson correlation. The findings show that the teaching style of Business teacher that is most popular by the students is the facilitator's teaching style followed by the personal style and the style of the delegator. While the most popular teaching style practised by the Business subject teachers is the style of the delegator, followed by the facilitator style and the personal model style. Student attitude towards Business subject is moderately positive. The result of Pearson correlation test showed that the value of  $r = 0.669$ ,  $p = 0.000$  which is strong correlation between the teacher's teaching style and the attitude of the students towards the business subject. The combination of facilitator style and personal model style is seen as the ideal teaching style for realizing student-centred learning and project-based learning. The implications of the findings can be used to provide guidance to teachers in schools to carry out the teaching and learning process more effectively. Based on this study, several suggestions have been proposed to improve the quality of teachers' teaching as well as the achievement of students in this subject.*

**Keywords:** *Teacher Teaching Style, Grasha Teaching Style, Student Attitude, Business Subjects*

---

## **Pendahuluan**

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Program Pembudayaan keusahawanan melalui kurikulum dengan memperkenalkan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Perniagaan yang telah bermula pada tahun 2017 bagi menggantikan mata pelajaran Perdagangan. Ianya merupakan mata pelajaran elektif dalam kelompok Sastera Ikhtisas yang digubal untuk murid Tingkatan 4 dan 5. MPEI memberi fokus kepada keperluan perubahan kurikulum dan pentaksiran berasaskan kompetensi yang merujuk standard industri, badan profesional dan badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa. MPEI juga merupakan satu inisiatif kementerian dalam usaha menyediakan modal insan yang menyeluruh, seimbang, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta mengamalkan budaya profesional bagi menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan perkembangan teknologi dalam industri ke arah mencapai matlamat negara maju (BPK, KPM, 2016). Disamping itu, mata pelajaran ini juga dapat memberi persediaan kepada pelajar dalam menjadikan perniagaan sebagai satu kerjaya, mengurangkan kebergantungan graduan terhadap kerajaan dan mampu bersaing di peringkat global. Menyedari akan kepentingan bidang Perniagaan mampu menjadi platform dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara, Kementerian Pengajian Tinggi turut mewajibkan kursus keusahawanan sebagai subjek wajib di universiti awam (UA) sejak 2007 lagi. Ini adalah langkah yang terbaik dilakukan kementerian bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja pakar dalam bidang diceburi, malah turut mahir dalam bidang keusahawanan (Berita Harian, 2016).

Guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah memupuk minat dan pencapaian pelajar. Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan berkemungkinan dapat ditingkatkan sekiranya guru mengaplikasikan gaya pengajaran yang

selari dengan gaya pembelajaran yang berpusatkan murid. Namun apa yang berlaku kini antaranya kegagalan guru melaksanakan gaya pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang sesuai dan berkualiti di samping kaedah dan sumber bahan pengajaran yang terhad. Gaya guru mengajar di dalam bilik darjah kini lebih kepada memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk dan lebih berorientasikan peperiksaan (Utusan Borneo Sabah, 2017). Setiap guru harus memilih dan menggunakan kaedah yang paling sesuai bagi membantu pelajar-pelajar dan diri mereka sendiri dalam usaha mencapai objektif pengajaran yang telah dirancang. Seseorang pelajar akan dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah dengan selesa dan seronok biasanya bermula daripada cara guru yang mengajar dan memberi corak pembelajaran yang berkesan kepada pelajar hasil daripada gaya pengajaran yang menarik (Azizi & Syazwani 2010). Kenyataan ini turut disokong oleh Shahrin (2010) melalui kajiannya terhadap 333 orang pelajar tingkatan dua di Sabah yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup Komponen Perdagangan dan Keusahawanan turut menyatakan faktor kurikulum, bahan bantu mengajar, gaya pengajaran guru dan persekitaran mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

## **Sorotan Karya**

### ***Gaya Pengajaran Guru***

Guru yang cemerlang seharusnya bijak dan mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan penglibatan secara aktif oleh pelajar semasa proses PdPc berlangsung. Guru juga harus mewujudkan perasaan ingin tahu yang tinggi terhadap pelajar supaya mendorong mereka untuk meminati pelajaran yang diajar (Zubaidah, 2007). Kajian ini hanya akan membincangkan gaya pengajaran oleh Grasha (1996). Anthony Grasha mencadangkan lima jenis gaya pengajaran iaitu gaya pakar, autoriti formal, model personal, fasilitator dan delegator (1996). Gaya Pengajaran Grasha (1996) diperincikan seperti berikut:

### ***Gaya Pakar***

Grasha menghuraikan gaya pengajaran pakar sebagai gaya pengajaran yang sentiasa menggalakkan pelajar untuk mencapai kecemerlangan di samping mementingkan penyaluran maklumat secara maksimum. Guru gaya pakar beranggapan dirinya mempunyai pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan oleh pelajar. Selain itu, guru gaya ini sentiasa mencabar kebolehan pelajar melalui persoalan yang diajukan. Sifat suka mencabar ini, jika dilakukan secara berterusan dan keterlaluan akan menyebabkan pelajar merasa terancam, rendah diri dan bimbang terutamanya bagi pelajar-pelajar yang kurang penguasaannya atau lemah dalam sesuatu subjek.

### ***Gaya Autoriti Formal***

Gaya Pengajaran autoriti formal pula lebih mengutamakan maklum balas daripada pelajar dan berfokus kepada garis panduan yang diberikan kepada pelajar. Mereka menganggap bahawa pengajaran perlu dilakukan dalam bentuk standard, tepat dan diterima oleh pelajar yang merangkumi matlamat pengajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah, dan peraturan tingkah laku pelajar yang termaktub dalam perundangan sekolah.

### ***Gaya Model Personal***

Bagi gaya model personal pula, pengajaran harus dilakukan menggunakan contoh-contoh peribadi iaitu menggunakan pengalaman sendiri sebagai pengajaran kepada pelajar. Guru cenderung bertindak sebagai prototaip kepada pelajar tentang bagaimana cara berfikir dan

berkelakuan. Mereka cenderung untuk memandu dan mengarah pelajar memerhati dan seterusnya meniru kaedah yang ditunjukkan. Keadaan ini menunjukkan guru gaya ini sentiasa mengawasi, membimbing dan memberi tatabara kepada pelajar bagi melakukan kerja dan menggalakkan pelajar untuk membuat pemerhatian dan kemudiannya mencontohi pendekatan yang telah digunakan atau ditunjukkan oleh guru.

### ***Gaya Fasilitator***

Gaya fasilitator pula menekankan interaksi guru dengan pelajar. Mereka memberi panduan, membimbing dan memberi arahan dengan mengemukakan soalan-soalan, pilihan untuk menerokai, memberi cadangan alternatif dan membina kriteria pemilihan. Matlamat keseluruhan adalah untuk membangunkan keupayaan pelajar untuk berdikari, berinisiatif dan bertanggungjawab. Guru dengan gaya ini lebih suka mengajar menggunakan kaedah projek dengan memberi bimbingan dan sokongan.

### ***Gaya Delegator***

Gaya delegator pula memberi perhatian kepada membentuk kebolehan pelajar untuk belajar secara autonomi. Pelajar dikehendaki menjalankan aktiviti pembelajaran secara bersendirian atau berkumpulan, tanpa guru memberi senarai semak atau menstruktur objektif perbincangan mereka. Kehadiran guru hanya sebagai sumber rujukan yang akan memberi bantuan atau bimbingan atas permintaan pelajar. Guru dapat membantu pelajar menjadi seorang yang boleh berdikari dan berkeyakinan tinggi. Walau bagaimanapun, sekiranya guru kurang peka terhadap kesediaan pelajar untuk menjalankan tugas secara bersendirian dan sesetengah pelajar mungkin berasa bimbang apabila diberi autonomi.

Kajian yang menyokong gaya pengajaran Grasha antaranya kajian Abd. Aziz (2011) terhadap 189 pelajar Pengajian Perniagaan tingkatan enam atas di tujuh buah sekolah di Johor Baharu. Hasil kajian ini mendapati gaya pengajaran Grasha (1996) yang paling diminati ialah gaya pengajaran model personal, diikuti gaya fasilitator dan gaya pakar. Manakala gaya pengajaran delegator dan autoriti formal kurang diminati oleh pelajar. Kajian di atas selari dengan dapatan Ainonmadiyah et.al (2017) yang menjalankan kajian terhadap 373 orang pelajar mendapati guru lebih suka menggunakan gaya model personal dalam gaya pengajaran diikuti dengan gaya delegator dan gaya pakar. Dapatan ini juga disokong oleh kajian Zamri Mahamod, Nik Mohd Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim (2009), bahawa gaya pengajaran model personal merupakan gaya pengajaran yang paling dominan digunakan oleh guru-guru termasuk guru-guru bahasa.

Menurut dapatan kajian Suparno, Saila and Hassan, Johari (2012) ke atas gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru matematik di empat buah sekolah menengah di Daerah Jempol, Negeri Sembilan kebanyakan guru-guru menggunakan gaya pakar dan diikuti gaya model personal, gaya fasilitator, gaya delegator dan akhir sekali gaya autoriti formal. Namun, dapatan Abu Hassan, Mohd Eizuan and Saad, Noor Shah and Dollah, Mohd Uzi (2012) berpendapat tahap kemahiran penaakulan saintifik (KPS) di kalangan para pelajar sekolah menengah adalah membimbangkan. Secara keseluruhan, stail pengajaran guru Matematik yang dominan berdasarkan persepsi pelajar ialah gaya delegator diikuti dengan gaya pakar. Oleh itu, guru-guru Matematik perlu pelbagaikan gaya pengajaran mereka dan masalah gaya pengajaran di sekolah menengah merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh setiap guru. Melalui kajian-kajian yang terdahulu, rata-rata guru matematik dan sains sering mengamalkan gaya pakar dan gaya model personel di mana guru perlu memainkan peranan dalam membimbing pelajar dan mempunyai keyakinan dan kepakaran yang tinggi dalam penyelesaian masalah.

Grasha (1994) turut menjelaskan bahawa secara keseluruhannya gaya pengajaran model personal telah digunakan secara dominan oleh semua tenaga pengajar bagi semua peringkat pendidikan akademik sama ada profesor, profesor madya dan juga guru (tutor). Gaya ini juga didapati telah digunakan secara dominan dalam pengajaran kursus-kursus di semua peringkat pengajian tinggi berbanding dengan lain-lain gaya. Kajian oleh Ruslin Amir (2008) pula bertentangan dengan Grasha (1994) dengan mengatakan bahawa gaya pengajaran pakar merupakan gaya pengajaran yang paling dominan diikuti gaya model personal dan gaya fasilitator. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh perbezaan sampel kajian (pensyarah dan guru), tahap akademik dan gaya berfikir (pensyarah dan guru) serta perbezaan para pelajar/murid (pelajar universiti dan murid sekolah) dari sudut personal pelajar/murid dan gred pencapaian.

Kesimpulannya, gaya pengajaran pengajar yang paling dominan di antara guru-guru adalah gaya pengajaran model personal. Menurut Dunn (1990), “kegagalan pelajar bukan disebabkan oleh kurikulum. Pelajar boleh menguasai hampir kesemua mata pelajaran yang dipelajari jika mereka diajar dengan cara dan pendekatan yang mengambil kira gaya pengajaran yang disukai oleh pelajar. Sebaliknya pelajar yang sama akan gagal jika diajar dengan cara yang tidak mengambil kira gaya pengajaran yang disukai pelajar”.

### ***Sikap Pelajar***

Crow (1980) mentakrifkan sikap ialah timbul dari keinginan peribadi dan rangsangan kumpulan. Ia sebenarnya adalah sebahagian dari personaliti individu itu sendiri tetapi adalah dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku kumpulan atau beberapa kumpulan yang ada hubungan dengannya. Sharifah (1983) pula mendefinisikan sikap sebagai keadaan pada masa seseorang individu mudah dipengaruhi untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap orang lain, idea atau sesuatu kejadian. Sikap ini boleh dipengaruhi atau diubah melalui kesedaran mental seseorang itu kerana proses pembelajaran dan pengalaman hidup seseorang itu akan meninggalkan kesan yang kuat ke atas mentalnya. Menurut Gogolin & Swartz (1992) pula, sikap adalah merupakan salah satu perilaku emosi yang sentiasa berubah dan bersifat tidak statik, boleh dipelajari dan diajar serta berkaitan dengan tingkah laku. Definisi bagi sikap menurut Chong (2003) mentakrifkan sikap sebagai sebahagian daripada personaliti individu yang dipengaruhi oleh tingkah laku kumpulan yang ada hubungan dengannya. Dalam kajian ini, sikap merupakan tanggapan pelajar terhadap

Kajian Abd. Aziz & Nor Aishah (2011) adalah berkaitan sikap pelajar terhadap pengajian perniagaan yang melibatkan responden seramai 189 orang pelajar tingkatan enam atas yang mengambil mata pelajaran pengajian perniagaan di Daerah Johor Bahru, Johor. Keputusan kajian menunjukkan tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pengajian Perniagaan berada di tahap sederhana positif. Manakala hasil dapatan kajian tinjauan ini juga mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara gaya pengajaran guru yang diminati pelajar dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan.

Gaya dan amalan pengajaran guru antara faktor yang dapat merubah sikap pelajar antaranya kajian Noorafini et al. (2017) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab, begitu juga dengan pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab. Kajian ini juga mendapati pengajaran guru memberikan pengaruh yang besar terhadap penguasaan bahasa Arab. Dapatan ini memberikan implikasi kepada pemantapan amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam meningkatkan sikap yang positif untuk menguasai bahasa Arab sekali gus memperkasakan pencapaian dalam kalangan pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh Awodun, Oni dan Aladejana (2014), faktor sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Fizik dan tabiat ulangkaji pelajar menunjukkan keputusan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Kajian ini disokong oleh Mohd Noor Badlishah Abdul kadir, Mohd Mustaman Abdul Karim dan Nurulhuda Abd Rahman (2015), yang mendapati faktor sikap memberi sumbangan terhadap pencapaian Fizik. Minat akan mendorong perubahan sikap pelajar terhadap sesuatu pembelajaran. Pelajar akan lebih bersikap positif terhadap sesuatu yang diminati. Pelajar yang belajar dengan penuh minat akan berasa seronok dan terdorong untuk lebih berusaha dalam mencapai matlamat iaitu untuk memperoleh gred A.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

- I. Mengenal pasti jenis gaya pengajaran guru yang diminati pelajar.
- II. Mengenal pasti jenis gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru Perniagaan.
- III. Mengenal pasti tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan.

### **Persoalan Kajian**

Menurut Abd. Majid (2000), persoalan kajian membolehkan penyelidik mengaitkan teori dengan cerapan di mana ia adalah saranan sementara yang menjelaskan sesuatu fenomena yang di kaji sebagai penyelesaian masalah. Berikut adalah persoalan-persoalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini:

- I. Apakah jenis gaya pengajaran guru yang diminati pelajar?
- II. Apakah jenis gaya pengajaran guru yang diamalkan oleh guru Perniagaan?
- III. Apakah tahap sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan?

### **Kerangka Konseptual Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berpandukan model gaya pengajaran (Teaching Styles Inventory) Grasha (1996). Model ini dapat melihat tingkah laku guru dalam bilik darjah yang merangkumi beberapa ciri iaitu ciri-ciri guru popular, tingkah laku yang menunjukkan pengajaran afektif, personaliti guru, bentuk archetypal (bentuk asas pengajaran yang berpusatkan guru atau pelajar) dan metafora-metafora yang berkaitan dengan pengajaran seperti kepercayaan, sikap dan nilai. Selain itu, kajian ini juga berpandukan kepada model inventori sikap terhadap sains (Attitudes Toward Science Inventory) yang dikemukakan oleh Gogolin & Swartz (1992). Bagaimana pun, model ini telah diadaptasikan oleh pengkaji dalam konteks mata pelajaran Perniagaan.

Kerangka konseptual kajian menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap gaya pengajaran guru dikategorikan kepada lima kategori utama iaitu gaya pakar, gaya autoriti formal, gaya model personel, gaya fasilitator dan gaya delegator. Sementara sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan merangkumi enam konstruk iaitu persepsi terhadap guru, kerisauan, kepentingan terhadap masyarakat, konsep sendiri, keseronokan dan motivasi. Minat terhadap gaya pengajaran guru dan sikap pelajar ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar perniagaan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai pendekatan utama dan memilih kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai instrumen utama. Soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak. Menurut Sekaran (2006), kaedah mendapatkan data melalui soal selidik merupakan kaedah terbaik. Selain itu,

pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan keterangan muktamad dalam bentuk analisis statistik dan reka bentuk kajian deskriptif dan inferensi untuk menentukan perkaitan dalam pemboleh ubah dan kepentingannya.

Instrumen utama yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian ialah soal-selidik. Set soal selidik mempunyai 2 set soal selidik. Di mana set soal selidik yang pertama (untuk responden: pelajar) terdiri daripada tiga bahagian (rujuk lampiran A) iaitu Bahagian A: Maklumat Diri Responden; Gaya pengajaran guru dalam mata pelajaran Perniagaan yang diminati mengikut persepsi pelajar dan Bahagian C: Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan. Bagi set soal selidik yang kedua (untuk responden: guru) terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Diri Responden; Bahagian B: Gaya Pengajaran Guru. Penentuan pemarkahan item-item dalam soal selidik di Bahagian B dan C menggunakan skala Likert Lima Poin. Item-item soal selidik adalah berdasarkan adaptasi daripada kajian Gaya Pengajaran Guru Dengan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pengajian Perniagaan oleh Abd. Aziz & Nor Aishah (2011).

Populasi kajian terdiri daripada pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah menengah di Daerah Bagan Datuk, Perak. Sampel kajian adalah seramai 136 orang pelajar dipilih secara rawak berstrata dan 10 orang guru Perniagaan yang mengajar di sekolah-sekolah yang dipilih.

### Dapatan Kajian

Data kajian yang dikutip menggunakan soal selidik dianalisis menggunakan Program SPSS (Statistical Package For Social Science version 22.0). Secara umumnya, dapatan kajian ini dibentangkan kepada dua bahagian iaitu hasil analisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif seperti skor min dan sisihan piawai digunakan bagi mendapatkan taburan profil responden kajian dan persoalan pertama dan kedua. Manakala analisis inferensi pula melibatkan pekali korelasi Pearson dan Spearman bagi mendapatkan jawapan untuk persoalan kajian yang dibina.

Hasil dapatan kajian untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu “Apakah jenis gaya pengajaran guru perniagaan yang paling diminati pelajar?”. Berdasarkan Jadual 1, pengkaji mendapati bahawa pelajar meminati kelima-lima gaya pengajaran guru dalam model Grasha (1996; 2002). Analisis skor min di atas membantu pengkaji membuat kesimpulan bahawa secara purata, gaya pengajaran guru perniagaan yang paling diminati pelajar ialah gaya fasilitator (min = 3.98 dan sp = 0.740), diikuti oleh gaya model personal (min = 3.96 dan sp = 0.655) dan gaya delegator (min = 3.80 dan sp = 0.737). Manakala gaya pakar dan gaya autoriti formal adalah gaya pengajaran guru yang kurang diminati oleh pelajar.

**Jadual 1: Jenis Gaya Pengajaran Guru yang Diminati Pelajar**

| Pembolehubah         | Min keseluruhan | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|----------------------|-----------------|----------------|--------------|
| Gaya Pakar           | 3.72            | 0.613          | Tinggi       |
| Gaya Autoriti Formal | 3.63            | 0.594          | Sederhana    |
| Gaya Model Personal  | 3.96            | 0.655          | Tinggi       |
| Gaya Fasilitator     | 3.98            | 0.740          | Tinggi       |
| Gaya Delegator       | 3.80            | 0.737          | Tinggi       |

Jadual 2 menunjukkan bahawa gaya pengajaran yang paling tinggi diamalkan oleh guru mengikut persepsi guru iaitu gaya pengajaran delegator (min = 4.16 dan sp = 0.493). Seterusnya

diikuti oleh gaya pengajaran fasilitator (min = 4.15 dan sp = 0.440), gaya pengajaran model autoriti formal (min=3.96 dan sp = 0.286), gaya pengajaran model personal (min = 3.96 dan sp = 0.524) dan gaya pengajaran pakar (min = 3.38 dan sp = 0.445).

**Jadual 2: Jenis Gaya Pengajaran yang Diamalkan oleh Guru Perniagaan**

| <b>Pembolehubah</b>  | <b>Min keseluruhan</b> | <b>Sisihan Piawai</b> | <b>Interpretasi</b> |
|----------------------|------------------------|-----------------------|---------------------|
| Gaya Pakar           | 3.38                   | 0.445                 | Sederhana           |
| Gaya Autoriti Formal | 3.96                   | 0.286                 | Tinggi              |
| Gaya Model Personal  | 3.96                   | 0.524                 | Tinggi              |
| Gaya Fasilitator     | 4.15                   | 0.440                 | Tinggi              |
| Gaya Delegator       | 4.16                   | 0.493                 | Tinggi              |

Berdasarkan analisis skor min dalam Jadual 3, pengkaji dapat membuat kesimpulan secara purata, tahap sikap keseluruhan pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan adalah di tahap sederhana positif

**Jadual 3: Tahap Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan**

| <b>Sikap Pelajar</b>                     | <b>Min</b> | <b>Sisihan Piawai</b> | <b>Tahap sikap</b> |
|--|------------|-----------------------|--------------------|
| Sikap terhadap Mata Pelajaran Perniagaan | 3.35       | 0.529                 | Sederhana positif  |

Jadual 4 menerangkan kewujudan hubungan antara gaya pengajaran guru yang diminati dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan. Hasil analisis ujian korelasi Pearson mendapati nilai  $r = 0.669$ ,  $p=0.000$  iaitu korelasi yang kuat antara gaya pengajaran guru yang diminati dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan. Nilai  $r$  yang tinggi ini menunjukkan bahawa darjah kekuatan hubungan kedua-dua pemboleh ubah ini adalah tinggi. Manakala korelasi tersebut signifikan pada aras keertian  $p<0.01$ . Justeru itu, keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pengajaran guru yang diminati dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan. Dapatan kajian ini juga turut disokong oleh kajian Noor Erma dan Leong (2014) bagi mata pelajaran matematik Tambahan dan Noraini Omar (2008) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

**Jadual 4: Hubungan Gaya Pengajaran Guru yang Diminati Dengan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan**

|   | <b>N</b> | <b>r</b> | <b>Signifikan</b> |
|---|----------|----------|-------------------|
| Hubungan gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Perniagaan | 136      | 0.669    | 0.000**           |

### **Implikasi dan Cadangan Dapatan Kajian**

Hasil dapatan ini menunjukkan gaya pengajaran fasilitator merupakan gaya yang paling diminati oleh pelajar. Guru perlu menekankan interaksi guru dan pelajar serta mewujudkan hubungan dua hala yang baik. Pendekatan berpusatkan pelajar melibatkan pelajar dan pelajar



yang berperanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang, guru perlu melibatkan pelajar secara aktif untuk menggalakkan pembentukan diri pelajar secara analitis, kritis dan kreatif (Hassan, 2006) dan dapatan ini dapat meyokong matlamat dan zaman, KPM telah melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) bermula pada tahun 2014. Kini, PAK21 dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. Elemen-elemen PAK21 dapat memberikan kesan yang positif kepada pelajar dengan menerapkan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti disamping penerapan nilai murni dan etika.

Bagi mata pelajaran Perniagaan, kombinasi gaya pengajaran fasilitator dan gaya model personal dilihat bersesuaian dengan aktiviti yang dicadangkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP Perniagaan KPM, 2016) bagi mata pelajaran Perniagaan Tingkatan 4. Aktiviti-aktiviti yang telah dicadangkan antaranya mengumpul maklumat melalui keratan akhbar di samping pencarian maklumat melalui internet. Sesi lawatan dan penyediaan profil perniagaan antara aktiviti berpusatkan pelajar yang turut melibatkan guru sebagai pembimbing. Guru boleh mempraktikkan gaya ini melalui pembelajaran kolaboratif dengan memberi tugas kepada pelajar dalam kumpulan-kumpulan yang telah dikenal pasti. Pelajar boleh bertukar-tukar pendapat atau idea semasa dalam aktiviti PdPc secara berkumpulan. Semua ahli kumpulan perlu menyumbang pengetahuan, pendapat, kemahiran dan menyelesaikan masalah secara bersama-sama. Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan satu model aktiviti bilik darjah yang berbeza dari kebiasaan. Pendekatan aktiviti pembelajaran ini mempunyai mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu, berpusatkan murid dan menghubungkan pengalaman kehidupan sebenar. Justeru, pelajar akan memperoleh pengetahuan, kemahiran and strategi penyelesaian masalah semasa proses menyediakan sesuatu projek. Jika dilihat daripada jenis gaya pengajaran guru, kombinasi gaya fasilitator dan model personal dapat memenuhi kriteria PAK21. Impikasi daripada kajian ini dapat membantu guru-guru khususnya guru pengajian perniagaan untuk mempelbagaikan gaya pengajaran mereka khususnya gaya pengajaran yang bersifat pemusatan pelajar selaras dengan minat dan kehendak pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.

Pengkaji mencadangkan warga pendidik khususnya guru-guru disarankan menghadiri kursus-kursus atau seminar-seminar yang berkaitan dengan keberkesanan gaya pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru dicadangkan untuk mengambil inisiatif sendiri bagi meningkatkan tahap profesionalisme mereka dengan menghadiri seminar atau pembentangan kertas penyelidikan berkaitan gaya pengajaran yang digunakan dan berkongsi pengalaman dengan guru-guru dan tenaga pengajar dari pelbagai institusi. Selain itu, guru-guru perlu memberi perhatian terhadap aspek-aspek psikologi pelajar seperti pelajar aktif, pasif, introvert, extrovert dan sebagainya. Ini dapat membantu guru-guru mengadaptasi gaya pengajaran guru yang sesuai mengikut minat dan sikap pelajar tersebut. Pengkaji berpendapat tindak balas yang berkesan daripada guru-guru mampu mempengaruhi minat dan sikap pelajar terhadap gaya pengajaran dan mata pelajaran yang diajarnya.

Dalam mengharungi gelombang digital dan teknologi, guru-guru Perniagaan disaran untuk meningkatkan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan minat dan penguasaan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pengajaran dan pembelajaran lebih menarik. Penggunaan multimedia sebagai alat bantu mengajar merupakan salah satu prospek ke arah pembelajaran. Pembelajaran melalui tontonan dokumentari dari rakaman video, youtube atau siaran televisyen dapat memberikan kefahaman

dan capaian informasi yang lebih kepada pelajar Perniagaan dalam mempelajari trend persekitaran semasa perniagaan dan isu-isu semasa yang melibatkan pasaran terkini di seluruh dunia. Menurut Tasnim (2012) sejumlah besar penyelidikan telah menunjukkan bahawa penggunaan kaedah aktif atau inovatif seperti permainan, video berasaskan web dan klip video serta simulasi adalah kaedah pengajaran yang bermakna.

Institusi-institusi pengajian tinggi seperti universiti, kolej, institusi perguruan, dan sebagainya yang melatih bakal-bakal guru perlu peka terhadap perubahan persekitaran. Kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara. Usaha ini perlu untuk melahirkan bakal-bakal guru yang mampu menjana idea, menyalurkan ilmu pengetahuan dan maklumat ke arah membina modal insan yang cemerlang dalam aspek pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Organisasi sekolah mahupun bahagian yang menguruskan latihan para guru dicadangkan untuk mendedahkan guru kepada kepelbagaian teknik dan gaya pengajaran yang boleh menarik minat murid untuk mengaplikasikan gaya pembelajaran yang sesuai dengan tahap pemahaman. Ini adalah kerana setiap murid mempunyai tahap pemahaman yang berbeza (Norasmah et al., 2006). Bakal-bakal guru perlu diberi penekanan kepada kursus-kursus kemahiran dalam menangani gaya pembelajaran pelajar berpandukan gaya pengajaran guru. Melalui cara ini, pengkaji merasakan bakal-bakal guru akan dapat mengetahui aspirasi, minat dan masalah yang dihadapi oleh pelajar, serta dapat mengenal pasti sikap pelajar terhadap mata pelajaran yang akan diajar. Seterusnya membolehkan bakal-bakal guru ini mengadaptasikan gaya pengajaran mereka mengikut keperluan pelajar tersebut.

Kementerian Pelajaran Malaysia melalui JPN dan PPD diharap dapat memberikan sokongan dan bantuan kepada guru-guru Perniagaan dengan mengadakan kursus dan latihan semula memandangkan mata pelajaran ini baru sahaja diperkenalkan pada tahun 2017 bagi menggantikan mata pelajaran Perdagangan. Penganjuran kursus-kursus dalam perkhidmatan oleh pusat perkembangan kurikulum dan pusat kegiatan guru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap profesion perguruan. Usaha penyelidikan bersama dengan institusi-institusi pengajian tinggi perlu dilakukan secara berterusan untuk mengenalpasti, menghasilkan dan mempromosi gaya pengajaran guru yang menjurus ke arah proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Kerjasama dengan pihak sekolah dilakukan dalam merangka program dan modul yang berkaitan dengan gaya pengajaran yang berkesan untuk memupuk minat dan sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran itu.

### **Kesimpulan**

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan objektif pengajaran dan pembelajarannya di dalam kelas dapat dicapai. Prestasi GPS bagi mata pelajaran Perniagaan daerah Bagan Datuk perlu diperbaiki dalam mempersiapkan pelajar untuk menghadapi peperiksaan SPM 2019. Dapatan dan perbincangan dari kajian-kajian lepas diharap dapat memberikan gambaran tentang gaya pengajaran yang sesuai yang mampu memberikan impak kepada minat, sikap dan pencapaian pelajar. Secara keseluruhannya, guru-guru didapati mengamalkan kelima-lima gaya pengajaran dalam Model Grasha (1996). Namun melalui dapatan kajian ini, gaya yang paling kerap digunakan oleh guru adalah gaya delegator, diikuti dengan gaya fasilitator dan gaya model personal manakala gaya-gaya yang diminati pelajar iaitu gaya fasilitator, gaya model personal dan diikuti dengan gaya delegator. Pemilihan gaya pengajaran yang sesuai dengan minat pelajar, pembelajaran dan pencapaian dilihat satu usaha yang wajar dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran, sikap yang positif dan seterusnya pencapaian pelajar Perniagaan. Diharapkan para guru dapat memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran supaya dapat membimbing pelajar ke mercu kejayaan dalam

bidang pendidikan dan membentuk sebuah masyarakat berintelekt yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan. Sesungguhnya, pelajar yang cemerlang ialah hasil didikan guru yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

## Rujukan

- Abd. Aziz Abd. Samad dan Nor Aishah Buang. (2011). *Gaya Pengajaran Guru Dengan Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pengajian Perniagaan*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Hassan, Mohd Eizuan and Saad, Noor Shah and Dollah, Mohd Uzi. (2012). *Kemahiran Penaakulan Saintifik (KPS) dalam kalangan pelajar tingkatan empat dan hubungannya dengan stail pengajaran guru Matematik di bilik darjah*. Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 2 (2). pp. 1-10. ISSN 2232-0393.
- Awodun, A. O. Oni. S. A., & Aladejana, A. L. (2014). *Students' Variables as Predictor of Secondary School Students' Performance in Physics*. International Journal of Scientific and Research Publications, Vol. 4, Issue 8, August 2014.
- Azizi Yahya & Syazwani Abdul Razak. (2010). *Teori Berkaitan Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran*. Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai Johor. Dirujuk Pada 14 Mac 2012 dari [\\_Pembelajaran\\_Dan.pdf](#).
- Binti Abu, N., & Kwan Eu, L. (2017). *Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 2(1), 1-10. Retrieved from <https://juku.um.edu.my/article/view/8058>.
- Crow, L.D & Alice Crow. (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Terjemahan oleh Habibah Elias. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dunn, R. S., & Dunn, K. J. (1979). Learning styles/teaching styles: should they...can 'they...be matched? Educational, x4, 238-244.
- Gogolin, L. & Swartz, F. (1992). *A quantitative and qualitative inquiry into the attitude toward science of non-science college students*. Journal of Research In Science Theaching 29 (5): 487-504
- Grasha, A.F. (1994). *A Matter of Styles: The Teacher As Expert, Formal Authority, Personnel*.
- Grasha, A.F. (1996). *Teaching with Style: A Practical Guide To Enhance Learning By Understanding Learning And Teaching Styles*. New York: Alliance Publisher.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 & 5*. Putrajaya.
- Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir, Mohd Mustamam Abdul Karim, & Nurulhuda Abd. Rahman (2015). *Sikap Terhadap Pembelajaran Fizik Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Dalam Kalangan Pelajar Sains*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Negeri Kali ke 5. Disember 2015. Muka surat 56.
- Mohd. Nawawi, Ainonmadiyah & Mohd, Awanis & Md. Saad, Norhana & Baharuddin, Juliana & Noor, Siti. (2017). *Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru Dengan Tahap Ponteng Sekolah Menengah Di Daerah Bachok, Kelantan*. Proceedings of the ICECRS. 1. 10.21070/picecrs. v1i1.503.
- Noor Erma Abu & Leong, K. E. 2014. *Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 2(1):1-10.
- Norasmah, O.H.J., K. Faridah, H. Halimah, A.L. Zaidatol and A.B. Nor. (2006). *Pembentukan Indeks Tingkah Laku*
- Ruslin Amir. (2008). *Stail berfikir, stail pengajaran pensyarah dan stail pembelajaran pelajar*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Sharifah Alwiah Alsogoff. (1983). *Psikologi pendidikan 1: Konsep-konsep asas psikologi dan psikologi pendidikan, psikologi perkembangan*. Petaling Jaya: Longman.
- Siti Adyani Maliki. (2016). <https://www.bharian.com.my/node/155565>. Keusahawanan atasi pengangguran.
- Siti Maria Ibrahim & Zamri Ariffin. (2016). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol. III*, No. I (April 2016) 43 –60 e-ISSN 2289-7909.
- Suparno, Saila and Hassan, Johari. (2012). *Gaya Pengajaran Guru-guru Matematik Di Sekolah menengah Mengikut Gaya Pengajaran Anthony F-grasha*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tasnim, Y. (2012). *Playing entrepreneurship: Can games make the difference?* Entrepreneurial Practice Review, 2(4), 4-18.
- Utusan Borneo Sabah. (2017). *Kualiti Pengajaran Guru: Isu dan Cabaran Semasa*. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20170419/282643212426811>.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim. (2009). *Perbandingan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 34 (1), 67-92.
- Zubaidah Begam Mohamed Zakaria. (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, UTM*. Universiti Teknologi Malaysia. Corporation. (2012). Company brochure: Available online. Retrieved August 27, 2012 from <http://www.corporationxyz.brochure/pdf>.